

Mengamuk dan rosakkan barangan di rumah, lelaki dipenjara 12 bulan

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 12 bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengamuk dan merosakkan harta benda di rumah sehingga menimbulkan kerugian lebih kurang RM1,000.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Awang Jazli Awang Jalal, 25, yang tidak diwakili peguam dan didakwa mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 20 Oktober 2024, sekitar jam 4.30 pagi di sebuah rumah di Kampung Semariang Batu di sini.

Berdasarkan keterangan kes, ibu tertuduh (pengadu) terdengar bunyi bising dan mendapati tertuduh mengamuk di tingkat bawah rumah serta bertindak merosakkan barang-barang di dalam rumah.

Dalam kejadian itu, tertuduh dilaporkan merosakkan dan mematahkan meja kayu, kipas angin, kerusi kayu, rak besi serta barangan dapur milik

pengadu.

Pengadu tidak mengetahui punca kejadian dan mendapati tertuduh mengamuk tanpa sebab.

Susulan itu, pengadu membuat laporan polis dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh pada hari sama, sekitar jam 5.06 pagi.

Sementara itu di mahkamah sama, tertuduh turut dijatuhi hukuman denda RM3,500 atau lapan bulan penjara serta dua tahun pengawasan polis selepas mengaku bersalah menyalahgunakan dadah jenis Methamphetamine.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya pada 4 Julai 2022 sekitar jam 5.30 petang di Pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Daerah Kuching.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang dihukum mengikut Seksyen 15(1) akta sama.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin.